

**MODUL PENINGKATAN PRESTASI MURID
TINGKATAN 5
TAHUN 2026**

**PENDIDIKAN ISLAM
KERTAS 1**

PERATURAN PEMARKAHAN

Peraturan pemarkahan ini mengandung 11 halaman bercetak


1	(a)	(i)	Maksud kalimah bergaris: i. Permainan ii. Minuman	2 isi x 1m = 2m
		(ii)	Dua perbuatan mempersendakan agama: - Berasa bangga mempersendakan nama Allah SWT. - Mengejek dan menghina sunah Rasulullah SAW. - Menghina golongan ulama dan orang soleh. - Mentafsir al-Quran mengikut hawa nafsu dan logik akal semata-mata. - Menyanjung perbuatan maksiat. - Menghalalkan yang haram dan mengharamkan yang halal.	2 isi x 1m = 2m
				
		(iii)	Pada pandangan anda, apakah implikasi perbuatan tersebut terhadap masyarakat. Cadangan isi: (kesan buruk) - Masyarakat menjadi porak-peranda. - Masyarakat akan semakin jauh dari agama Islam. - Masyarakat hidup dalam kesesatan.	2m l=1m H=1m
		(iv)	Bagaimanakah perbuatan tersebut dapat dicegah daripada berleluasa. Huraikan. Cadangan isi: (langkah) - Tindakan undang-undang yang lebih berat kepada pelaku. - Kempen kesedaran tentang bahaya perbuatan mempersendakan agama. - Ceramah agama tentang kepentingan menjaga dan memelihara kesucian Islam.	4m l=1m H=1m HL=1m K=1m
	(b)	(i)	Maksud seseorang yang hatinya sentiasa mencintai masjid ialah seseorang yang hatinya sentiasa berasa seronok memakmurkan masjid dengan aktiviti ibadah dan kebajikan.	1 isi x 2m = 2m

				
		(ii)	Kemukakan pandangan anda untuk menyokong pernyataan di atas. Cadangan isi: (peranan) - Masjid tempat yang bersih dan tenang. - Masjid merupakan rumah Allah. - Tempat orang soleh beribadah seperti berzikir, baca al-Quran dan sebagainya.	2m I=1m H=1m
		(iii)	Kaitkan pernyataan di atas dengan pembentukan akhlak seseorang muslim. Cadangan isi: (hikmah) - Solat berjemaah melatih ketepatan masa dan kepatuhan kepada ketua. - Seseorang yang kerap ke masjid sentiasa diingatkan tentang dosa dan pahala, menyebabkan mereka lebih berhati-hati dalam tutur kata dan tindakan . - Kekerapan berada di persekitaran yang suci secara semula jadi membentuk peribadi yang lebih tenang dan rendah diri.	4m I=1m H=1m HL=1m K=1m
	(c)	Dua jenis mad lazim: - Mad lazim kalimi. - Mad lazim harfi.		2 isi x 1m = 2m

2	(a)	(i)	Al-Muntaqim bermaksud nama Allah yang menunjukkan bahawa Allah SWT Maha Pembalas /1m dengan menimpakan azab terhadap orang yang melampaui batas./1m	1 isi x 2m = 2m
		(ii)	Dua kefahaman tentang sifat Allah SWT al-Muntaqim: - Allah SWT memberikan pembalasan dengan seksaan neraka terhadap orang yang menolak peringatan al-Quran. - Allah SWT menimpakan azab dalam peristiwa al-Dhukhan iaitu kaum Quraish ditimpakan dengan kemarau panjang sehingga debu seperti asap menutupi mereka. - Allah SWT memberikan pembalasan terhadap golongan yang menentang agama-Nya setelah diutuskan rasul dan diberi keterangan yang jelas.	2 isi x 1m = 2m
				
		(iii)	Mengapakah Allah SWT menangguhkan balasan terhadap pelaku perbuatan di atas. Cadangan isi: (sebab) - Allah SWT memberikan peluang kepada pelaku zalim tersebut untuk bertaubat. - Allah SWT menangguhkan balasan sebagai bentuk istidraj. - Allah SWT ingin menguji kesabaran orang yang dizalimi.	2m l=1m H=1m
		(iv)	Apakah tindakan yang sewajarnya dilakukan apabila melihat situasi seperti di atas? Cadangan isi: (langkah) - Menasihati individu tersebut supaya berhenti melakukan kezaliman. - Membantu mangsa tersebut dengan memberikan kata-kata semangat. - Melaporkan tindakan zalim tersebut kepada pihak berkuasa.	4m l=1m H=1m HL=1m K=1m
	(b)	(i)	Sejarah ringkas Muktazilah ialah kumpulan yang diasaskan oleh Wasil bin 'Ata setelah berlaku perbezaan pendapat antara beliau dengan guru beliau iaitu Hasan al-Basri tentang kedudukan pelaku dosa besar.	1 isi x 2m = 2m

		(ii)	Dua prinsip Muktazilah yang bertentangan dengan akidah Ahli Sunah Wal Jamaah: - <i>Al-Tauhid</i> - Menafikan sifat <i>ma'aani</i> pada zat Allah SWT. - <i>Al-'Adlu</i> - meyakini manusia bertanggungjawab sepenuhnya atas perbuatan mereka samada baik atau buruk tanpa ditentukan oleh Allah SWT. - <i>Al-Wa'du wal-Wa'iid</i> – meyakini bahawa Allah SWT wajib memberikan balasan baik kepada orang yang taat dan ancaman azab kepada orang yang melakukan maksiat. - <i>Al-Manzilatu baina Manzilatain</i> – meyakini bahawa pelaku dosa besar berada pada satu kedudukan antara mukmin dengan kafir dan mereka kekal di dalam neraka. - <i>Al-Amru Bilma'ruf Wannahyu Anil Munkar</i> – meyakini bahawa menyeru kebaikan dan mencegah keburukan adalah wajib ditegakkan dalam keadaan apa sekalipun.	2 isi x 1m = 2m
		(iii)	Pandangan Muktazilah tentang isu "Adakah al-Quran makhluk?". - Muktazilah mengatakan bahawa al-Quran adalah makhluk yang bersifat hadis atau baharu.	1 isi x 2m = 2m
				
		(iv)	Sebagai seorang yang berpegang dengan akidah Ahli Sunah Wal Jamaah, mengapakah kita perlu menjauhi fahaman tersebut dalam kehidupan seharian? Huraikan. Cadangan isi: (sebab) - Menimbulkan kekeliruan dan perpecahan dalam kalangan umat Islam. - Terlalu mengagungkan logik akal. - Menggugat pegangan akidah orang awam.	4m l=1m H=1m HL=1m K=1m

3	(a)	(i)	Maksud poligami ialah amalan beristeri lebih daripada seorang pada satu masa.	1 isi x 2m = 2m
		(ii)	Dua kelayakan berpoligami: - Tidak melebihi empat orang isteri. - Boleh berlaku adil terhadap isteri-isterinya dari aspek lahiriah seperti pakaian dan tempat tinggal. - Mampu memberi nafkah zahir dan batin.	2 isi x 1m = 2m
				
		(iii)	Berdasarkan gambar di atas, huraikan perkara yang perlu dipertimbangkan sebelum membuat keputusan. Cadangan isi: (faktor/kesan) - Kemampuan kewangan yang baik. - Keadilan dan kemampuan emosi yang stabil. - Kesan kepada keluarga sedia ada dan anak-anak.	4m I= 1m H= 1m HL=1m K=1m
		(iv)	Huraikan langkah yang perlu diambil oleh lelaki tersebut bagi memastikan rumahtangga yang akan dibina aman harmoni. Cadangan isi: (langkah) - Berbincang secara terbuka dengan isteri pertama. - Mengelakkan penipuan atau nikah secara sembunyi. - Menyusun jadual giliran yang adil.	2m I=1m H=1m
	(b)	(i)	Dua perkara wajib haji selain niat ihram di miqat: - Bermalam (Mabit) di Muzdalifah. - Melontar 7 anak batu di Jamrah Kubra. - Bermalam (Mabit) di Mina. - Melontar 7 anak batu di ketiga-tiga jamrah. - Menjauhi larangan ihram.	2 isi x 1m = 2m
		(ii)	Berniat ihram di miqat ialah ketentuan tempat atau masa untuk berniat ihram, haji atau umrah.	1 isi x 2m = 2m
		(iii)	Dua perkara larangan ihram dalam aspek kecantikan: - Menyapu minyak rambut. - Mencabut bulu atau rambut. - Memotong kuku.	2 isi x 1m = 2m

				
		(iv)	Pada pandangan anda, bagaimanakah ibadat di atas dapat membentuk sifat sabar dalam diri seorang muslim. Cadangan isi: (cara) - Mematuhi peraturan dengan tertib seperti mengelilingi kaabah sebanyak tujuh kali. - Melatih kawalan emosi walaupun dalam keadaan berhimpit-himpit. - Mengajar kerendahan hati menghadapi manusia lain tanpa rasa diri lebih tinggi.	4m I=1m H=1m HL=1m K=1m

4	(a)	(i)	Dua ciri kepimpinan Saidina Uthman bin Affan: - Berpandangan jauh iaitu menubuhkan jawatankuasa khas pembukuan al-Quran. - Berfikiran terbuka contohnya melonggarkan syarat penggunaan harta Baitul Mal / membenarkan sahabat keluar dari Kota Madinah. - Perihatin/ contohnya menyumbangkan harta kekayaannya untuk pertahanan negara / membesarkan Masjid Nabawi. - Inovatif iaitu menubuhkan angkatan tentera laut Islam.	2 isi x 1m = 2m
		(ii)	Pencapaian Saidina Uthman dalam bidang ketenteraan: - Menubuhkan angkatan tentera laut Islam yang pertama bagi tujuan keselamatan dan perluasan kuasa.	1 isi x 2m = 2m
			Saidina Uthman bin Affan terkenal dengan sifat dermawan.	
		(iii)	Mengapakah sifat khalifah tersebut wajar dicontohi oleh umat Islam? Cadangan Isi : (sebab) - Membelanjakan harta untuk kepentingan dan kebajikan umat Islam. - Membantu meringankan beban umat Islam. - Mengukuhkan perpaduan dan kesejahteraan masyarakat.	2m l=1m H=1m
		(iv)	Ramalkan kehidupan masyarakat sekiranya pemimpin masa kini mengamalkan sifat di atas. Cadangan isi: (kesan baik) - Perpaduan dapat diwujudkan. - Mengurangkan jurang sosio-ekonomi masyarakat. - Meningkatkan imej umat Islam.	4m l=1m H=1m HL=1m K=1m
	(b)	(i)	Riwayat hidup Salahuddin al-Ayyubi ialah: - Nama penuh: Yusuf bin Ayub bin Syazi. - Dilahirkan pada tahun 532 hijrah. - Meninggal dunia pada tahun 589 hijrah. - Jawatan: Pemerintah bagi kerajaan Al-Ayyubiyyah. - Guru tersohor: Ali bin al-Hassan bin Hibatullah bin Asakir al-Dimasyqi.	2 isi x 1m = 2m
		(ii)	Dua sumbangan Salahuddin al-Ayyubi dalam bidang pentadbiran: - Beliau mengubah sebuah dewan di istana dengan menjadikannya sebuah hospital yang dinamakan al-Bimaristan al-Atiq. - Sebuah gedung ubatan disediakan bagi membolehkan ubat diagihkan mengikut gred yang ditetapkan kepada para pesakit.	2 Isi x 2m = 4m

			Salahuddin al-Ayyubi adalah seorang tokoh yang menghormati para ulamak.	
		(iii)	Sebagai seorang pelajar, bagaimanakah anda mencontohi tokoh di atas. Cadangan isi: (kesan buruk) - Menghormati guru. - Beradab ketika menuntut ilmu. - Mengamalkan ilmu yang dipelajari daripada guru.	4m I=1m H=1m HL=1m K=1m

5	(a)	(i)	Maksud wasatiah ialah pendekatan yang sederhana, seimbang, adil dan cemerlang dalam setiap tindakan.	1 isi x 2m = 2m
		(ii)	Aspek kesederhanaan dalam wasatiah: - Menunaikan tugas dengan sempurna dan penuh bertanggungjawab. - Memenuhi syarat dalam menunaikan tugas, mematuhi arahan dan prosedur dalam menjalankan amanah. - Melaksanakan tugas sebagai hamba Allah dan khalifah di muka bumi.	1 isi x 2m = 2m
		(iii)	Hikmah melaksanakan prinsip wasatiah: - Syiar Islam dapat ditegakkan/1m dengan menyempurnakan akhlak dan nilai-nilai murni./1m - Pembangunan yang menyeluruh dan seimbang dapat diwujudkan/1m kerana adanya kestabilan politik./1m - Ekonomi masyarakat yang stabil dapat dijana/1m kerana tiada berlaku pembaziran./1m - Tahap pendidikan masyarakat dapat ditingkatkan/1m mengikut keperluan negara./1m - Masyarakat yang aman damai dan bersatu padu dapat dibangunkan/1m dengan melaksanakan prinsip-prinsip keadilan./1m	1 isi x 2m = 2m 1i=1m 1h=1m
			Sikap mempamerkan gaya hidup mewah dalam media sosial menyebabkan remaja semakin jauh daripada amalan kesederhanaan.	
		(iv)	Kemukakan hujah anda berkaitan pernyataan di atas. Cadangan isi: (kesan/faktor) - Pengaruh iklan dan 'sponsored content' (kandungan tajaan). - Fenomena 'comparison culture' (budaya perbandingan). - Berlaku pembaziran dalam berbelanja.	4m I=1m H=1m HL=1m K=1m
	(b)	(i)	Maksud ujub ialah berasa bangga dengan amalan dan kelebihan yang ada pada diri sendiri.	1 isi x 2m = 2m
		(ii)	Dua cara meninggalkan sifat ujub: - Sentiasa mengamalkan sifat mahmudah dan menjauhi sifat mazmumah. - Sentiasa muhasabah diri agar terhindar daripada sifat mazmumah. - Sentiasa mengawal keinginan nafsu yang suka akan kemegahan dunia seperti harta, pangkat dan jawatan. - Sentiasa berzikir kepada Allah SWT untuk menyucikan jiwa seperti beristighfar dan bertasbih. - Mencontohi akhlak mulia para rasul dan sahabat dalam kehidupan. - Sentiasa bersahabat dengan rakan yang berakhlak mulia agar sentiasa istiqamah mengamalkan sifat mahmudah.	2 isi x 1m = 2m

			 	
		(iii)	Gambar A dan Gambar B di atas menunjukkan tingkah laku pelajar yang berbeza, pilih gambar yang menunjukkan sifat ujub. Beri alasan anda.	
			Cadangan isi: (sebab) - Gambar B (wajib ada) Alasan: - Pelajar bangga dan sombong dengan kejayaannya. - Pelajar menunjuk-nunjuk akan kehebatannya. - Pelajar wujudkan jurang sosial sesama rakannya.	2m l=1m H=1m
		(iv)	Mengapakah sifat tersebut boleh merosakkan pahala sesuatu amalan. Huraikan. Cadangan isi: (sebab) - Merasakan diri lebih sempurna berbanding orang lain. - Menjadi sombong dan angkuh dengan apa yang dimiliki. - Membuat seseorang lupa untuk bersyukur kepada Allah SWT.	4m l=1m H=1m HL=1m K=1m

TAMAT